



## **HAP SENG PLANTATIONS HOLDINGS BERHAD** 200701011957 (769962-K)

### **POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (“POLISI OSH”)**

**Hap Seng Plantations Holdings Berhad (“HSPHB”)** adalah komited, setakat yang munasabah dan praktikal dalam menggalakkan dan memastikan tempat kerja yang harmoni, selamat dan sihat untuk semua pekerjaannya dan rakan kongsi perniagaan kami termasuk kontraktor, pembekal, pedagang, pekebun persendirian, pekebun kecil dan rakan usaha samanya.

HSPHB akan berusaha untuk mencapai ini dengan mengikut komitmen utamanya:-

- i) Mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerja 1994, bersama dengan peraturan, perintah, kod amalan industri (ICOP), garis panduan, surat arahan dan pindaannya dan yang berkaitan.
- ii) Menguatkuasa Prosedur Kerja Selamat (“SOPs”) dan memastikan piawan dokumentasi yang teratur bagi SOPs di di tempat kerja.
- iii) Memastikan peralatan sentiasa dalam keadaan baik melalui penyelenggaraan dan pemeriksaan yang teratur dan menggunakan mesin-mesin dan jentera-jentera mengikut kriteria keselamatan yang telah ditetapkan, dan memasang papan tanda keselamatan di tempat kerja.
- iv) Memastikan pekerja dan pihak ketiga dilatih dengan secukupnya tentang pekerjaan mereka dengan penekanan pada maklumat keselamatan dan kesihatan yang diperlukan, pengendalian alatan dan peralatan yang selamat, dan mematuhi “UTAMAKAN KESELAMATAN” dengan pematuhan tegas kepada SOPs.
- v) Memastikan pekerja dan pihak ketiga memakai alat pelindung diri (“PPE”) di tempat kerja, apabila diperlukan.
- vi) Menjalankan pemeriksaan secara rutin di perumahan pekerja bagi memastikan persekitaran yang kemas dan bersih serta bekalan air minuman yang bersih.
- vii) Menyemak secara kritikal SOPs, Pelan Tindakan Kecemasan (“ERP”) dan Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (“HIRARC”) secara berkala dengan tujuan untuk menghapuskan atau mengurangkan pengulangan kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan/atau penyakit pekerjaan (“Kemalangan Tempat Kerja”) pada masa depan.
- viii) Menyebarkan dan berkomunikasi SOPs dan ERP untuk langkah pencegahan dan mitigasi Kemalangan Tempat Kerja kepada pekerja dan pihak ketiga yang mungkin terjejas oleh operasi HSPHB.
- ix) Menyemak secara berkala semua polisi dan amalan-amalan, dan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang sedia ada dengan matlamat penambahbaikan berterusan supaya sentiasa sejajar dengan perkembangan industri semasa.
- x) Memastikan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan ditubuhkan di tempat kerja dengan garis kuasa yang jelas bagi individu yang bertanggungjawab untuk melaporkan perkara kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan atau HSPHB, dan untuk memberikan perundingan dan penyertaan pekerja tentang semua perkara keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

- xi) Memastikan bahawa sebarang perkara yang dianggap sebagai tidak selamat atau berisiko kepada kesihatan pekerja dan pihak ketiga yang telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, dan/atau HSPHB disiasat dan tindakan aktif diambil untuk menyelesaikan perkara-perkara tersebut;
- xii) Melantik dan menyediakan sumber yang mencukupi untuk orang yang kompeten untuk bertanggungjawab terhadap pematuan keselamatan dan kesihatan, termasuk dilantik sebagai Pegawai atau Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan apabila diperlukan, serta memberikan nasihat dan panduan;
- xiii) Memastikan bahawa sijil dan/atau kelulusan yang diperlukan diperolehi dan dikekalkan di tempat kerja atau apabila diperlukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
- xiv) Memastikan bahawa sebarang perkara mengenai Kemalangan Tempat Kerja yang telah berlaku atau berkemungkinan berlaku di tempat kerja dimaklumkan dengan segera kepada individu yang bertanggungjawab dalam HSPHB dan pihak berkuasa yang berkaitan;
- xv) Menyampaikan polisi dan amalan keselamatan dan kesihatan secara dalaman dan luaran, jika diperlukan; dan
- xvi) Memastikan bahawa hasil sebarang audit, kajian semula penilaian risiko keselamatan dan kesihatan, dan kawalan risiko dilaporkan kepada HSPHB.

Setiap pekerja, pembekal luar dan rakan kongsi harus memahami dan menerima bahawa keselamatan adalah penting untuk kesinambungan perniagaan dan semua orang harus bertanggungjawab untuk mencegah insiden daripada berlaku dan berulang. Dengan berpegang teguh prinsip-prinsip utama ini, kami memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua.



**Au Yong Siew Fah**  
*Chief Executive – Group Plantations*

1 Ogos 2025

**Tarikh**